



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

**MUAMALAT DIJAGA,
HIDUP SEJAHTERA**

Tarikh Dibaca:

**18 Syaaban 1447H
6 Februari 2026M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذَا قِيلَ لَهُمْ كُنْزُوا أَمْوَالَكُمْ فَإِنَّهَا أَفْضَلُ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

MUAMALAT DIJAGA, HIDUP SEJAHTERA

6 FEBRUARI 2026 / 18 SYAABAN 1447H

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ

تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾﴾

[النساء 29]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،

اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT atas segala nikmat. Bertakwalah kepada Allah dengan beristiqamah dalam mematuhi perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Usah kita terus leka dibuai nafsu yang mudah goyah dengan bisikan syaitan yang tidak pernah jemu menyesatkan.

Izinkan khatib mengingatkan diri ini dan seluruh hadirin yang dimuliakan. Mari kita bersama celikkan mata hati dan minda. Moga-moga setiap lafaz khutbah yang didengar dengan hati dan akal yang sedar, mendatangkan barakah dan pahala yang besar. Di

penghulu segala hari yang mulia ini, mimbar ingin mengangkat satu tema yang sangat dekat dengan kehidupan kita semua, iaitu **“Muamalat Dijaga, Hidup Sejahtera”**.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Islam bukan sekadar agama ibadah ritual, bahkan satu sistem kehidupan yang menyeluruh, termasuk dalam aspek muamalat iaitu ekonomi dan kewangan. Islam meletakkan beberapa prinsip penting yang wajib dipatuhi oleh setiap Muslim termasuk dalam hal urusan pelaburan. Antara prinsip pelaburan tersebut mestilah bebas daripada unsur riba, tidak mengandungi penipuan serta ketidaktentuan melampau (*gharar*), tidak melibatkan unsur perjudian (*maysir*), dan tidak berkaitan dengan aktiviti haram seperti arak, judi serta rasuah.

Selain itu, keuntungan yang diperoleh hendaklah datang daripada aktiviti perniagaan sebenar yang produktif serta memberi manfaat kepada masyarakat, bukan semata-mata bersifat spekulasi atau janji pulangan tetap tanpa risiko. Prinsip-prinsip ini selari dengan firman Allah SWT Surah an-Nisa' ayat 29 yang dibacakan pada mukadimah khutbah. Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu”.

Ayat ini menegaskan bahawa setiap bentuk transaksi kewangan hendaklah berasaskan keadilan, ketelusan dan keredaan kedua-dua pihak.

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Islam menetapkan prinsip yang jelas supaya harta yang diperoleh adalah halal, berkat dan tidak menzalimi mana-mana pihak. Antara larangan paling tegas dalam Islam ialah riba. Allah SWT berfirman Surah al-Baqarah ayat 278 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman”.

Ayat ini membuktikan betapa besarnya dosa riba sehingga Allah mengisytiharkan perang terhadap pelakunya. Isu riba bukan sekadar isu ekonomi, malah ia melibatkan soal akidah serta ketaatan kepada perintah Allah dan Rasul-Nya. Riba juga tergolong dalam tujuh dosa besar sebagaimana yang disampaikan oleh Baginda Nabi SAW. Malangnya, hari ini kita melihat ramai umat Islam terjebak dalam skim cepat kaya, pelaburan palsu dan penipuan kewangan kerana kurang ilmu dan tidak merujuk panduan fatwa. Janganlah kita memandang ringan terhadap keputusan fatwa atau memilih hukum mengikut selera dan kepentingan peribadi.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Dalam mendepani arus kemodenan yang menyajikan pelbagai instrumen kewangan kompleks seperti pembiayaan peribadi, pelaburan, dan mata wang digital, institusi fatwa memainkan peranan kritikal sebagai panduan utama umat Islam. Keputusan yang dikeluarkan oleh badan berautoriti ini merupakan hasil ijtihad yang teliti bersandarkan al-Quran, as-Sunnah, ijmak, dan qiyas bagi merungkaikan hukum terhadap isu-isu baharu. Kejelasan ini amat diperlukan agar setiap transaksi dan urusan muamalat masyarakat sentiasa kekal pada landasan syarak serta terpelihara daripada sebarang unsur syubhah

Institusi mufti bukan sekadar badan yang mengeluarkan hukum, bahkan merupakan benteng intelektual dan moral ummah dalam memastikan kefahaman agama sentiasa terpelihara daripada kekeliruan dan ekstremisme. Setiap fatwa yang diputuskan melalui proses muzakarah, penelitian dalil serta pertimbangan maqasid syariah membuktikan bahawa keputusan tersebut bukan bersifat individu atau emosional, tetapi hasil disiplin ilmu yang berautoriti. Kewujudan institusi ini juga memberi ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan panduan yang tersusun, berwibawa dan selari dengan konteks setempat tanpa mengabaikan prinsip syarak yang *qat'ie*.

Keyakinan terhadap institusi mufti perlu dibina atas kefahaman bahawa mereka berfungsi sebagai penjaga keseimbangan antara tuntutan nas dan realiti semasa. Dalam dunia yang dipenuhi maklumat tidak sahih dan pandangan agama yang bercampur-aduk di media sosial, suara institusi mufti menjadi rujukan rasmi yang memandu umat agar tidak terjerumus dalam kekeliruan hukum. Dengan integriti, ketelusan serta komitmen terhadap amanah ilmu, institusi mufti terus memainkan peranan strategik dalam memelihara

keharmonian masyarakat serta memperkukuh kepercayaan umat terhadap sistem perundangan Islam yang adil dan rahmah.

Tetamu-Tetamu Allah Yang Diberkati,

Selain riba, Islam juga memberi perhatian besar terhadap isu hutang kerana hutang bukanlah suatu perkara kecil yang boleh dipandang ringan. Hutang merupakan satu amanah yang wajib dilunaskan dan akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak. Sikap cuai dan melengah-lengahkan pembayaran hutang bukan sahaja menzalimi manusia, bahkan boleh membawa implikasi dosa di sisi Allah SWT. Imam at-Tirmidzi meriwayatkan daripada Abu Hurairah *radhiyallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مَعْلُوقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يَقْضَى عَنْهُ

Maksudnya: *“Roh seorang mukmin tergantung dengan hutangnya sehingga hutangnya itu dilangsaikan”.*

Hadis ini menunjukkan bahawa Islam menuntut agar kita tidak berhutang kecuali kerana keperluan sebenar untuk meneruskan hidup dan bukan dalam perkara sia-sia. Umat Islam juga harus berniat dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membayar balik pinjaman atau hutang agar tidak menzalimi pemiutang dengan melengah-lengahkan bayaran serta mengelakkan hutang yang mengandungi unsur riba dan *gharar*.

Sehubungan itu, bagi mereka yang terlibat dengan pinjaman riba dinasihatkan supaya segera bertaubat daripada dosa yang telah dilakukan kerana ia merupakan dosa besar. Usahalah untuk melunaskan pinjaman tersebut secepat mungkin dan tidak terus terlibat dalam urusan riba. Sekiranya peminjam tidak berkemampuan, hutang tersebut boleh dipertimbangkan untuk dibiayai semula melalui institusi-institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan secara patuh syariah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sebagai penutup khutbah hari ini, marilah kita renungi beberapa saranan:

- 1. Kita hendaklah menjauhi riba dalam apa jua bentuk urusan muamalat** kerana riba adalah dosa besar yang membawa ancaman perang daripada Allah dan Rasul-Nya.

2. **Kita hendaklah mengurus hutang dengan penuh amanah dan tanggungjawab** tidak berhutang kecuali kerana keperluan sebenar serta berusaha bersungguh-sungguh untuk melunaskan hutang kerana setiap hutang akan dipersoalkan di akhirat kelak.
3. **Memastikan setiap bentuk pelaburan berlandaskan prinsip syariah** dengan meneliti kontrak sumber keuntungan dan aktiviti perniagaan supaya bebas daripada unsur riba, *gharar*, *maysir* dan perkara haram. Rujuklah fatwa daripada Jabatan Mufti sebelum melakukan transaksi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا يَغْ د-قُرتوان اكخوغ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينْدَا رَاجِ قُرماليسوري اكخوغ، رَاجِ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.